

Berita Harian | Rabu, 9 September 2015

Sukan

SILAT

## Alfian ketua skwad nasional di dua kejohanan Malaysia

► ZAINAL JAMARI  
jaz@sph.com.sg

MUHAMMAD Nur Alfian Juma'en – pemenang pingat emas tunggal negara di Sukan SEA Ke-28 yang lalu – akan mengetuai cabaran pesilat negara di dua kejohanan silat antarabangsa di Malaysia, yang bermula hari ini.

Kejohanan pertama ialah Terbuka Malaysia yang berlangsung mulai hari ini hingga Sabtu, di Stadium Tasik Titiwangsa.

Kejohanan kedua pula ialah Kejohanan Antarabangsa Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) yang akan berlangsung di Kuantan, Pahang, dari 14 hingga 20 September. Kejohanan di Kuantan itu akan diadakan di Berjaya Megamall.

Menurut satu kenyataan Persekutuan Silat Singapura (Persisi), atlit mereka telah pun berlepas ke Kuala Lumpur semalam.

Antara tujuan menyertai kedua kejohanan tersebut ialah mengukur sejauh mana kebolehan para pesilat selepas menjalani latihan nasional di samping membolehkan mereka mencuba teknik-teknik baru dalam pertandingan sebenar.

Dalam kejohanan pertama, seramai lapan pesilat dijadualkan bertanding. Mereka terdiri daripada Hamillatu Arash Juffrie yang akan bertanding dalam Kelas A Lelaki; Muhammad Haziq Zainal Abidin (Kelas B Lelaki dan ganda seni); Nur Abdul Ghani Kamaruddin (Kelas C Lelaki); Muhammad Daniel Akhbal (Kelas D Lelaki); Abdul Raaziq Abdul Rashid (Kelas F Lelaki); Nur Alfian (Kelas I Lelaki); Ahmad Kafee Azman (ganda seni); dan Nurul Shafiqah Mohd Saiful (Kelas C Wanita).

Seramai lapan pesilat negara juga akan menyertai kejohanan di Kuantan.

Nurul Fiona Azlani, yang bertindak selaku pengurus pasukan di kedua kejohanan tersebut, akan turun ke gelanggang bagi acara wanita seni tunggal senior.

Pesilat negara yang lain ialah Hamillatu Arash (Kelas B Lelaki Senior); Muhammad Daniel (Kelas D Lelaki Senior); Nurhanishah Shahrudin (Kelas D / seni tunggal wanita senior); Ahmad Kafee (seni tunggal lelaki); Muhammad Iqbal Abdul Rahman (seni tunggal lelaki); Muhammad Riansyauqi Mistam (Kelas C Lelaki); dan Amirah Sahrin (Kelas C Wanita).